



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SENI KOLAM  
BERASASKAN BARANGAN KITAR SEMULA TAHUN  
2023 SEMPENA HARI PERAYAAN DEEPAVALI

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**12 DISEMBER 2023 (SELASA)**  
**4.00 PETANG**

**DEWAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI  
BUTTERWORTH  
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada petang yang berbahagia ini dalam **Majlis Penyampaian Hadiah Seni Kolam Berasaskan Barang Kitar Semula Tahun 2023 Sempena Hari Perayaan Deepavali** di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi, Butterworth.
2. Terlebih dahulu, saya mewakili semua wargakerja MBSP, mengalungkan alukan kehadiran pelajar-pelajar dan guru-guru daripada lapan (8) buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Seberang Perai yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Seni Kolam Berasaskan Barang Kitar Semula pada pagi tadi.
3. Saya mengucapkan Tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP yang berjaya menganjurkan Program Seni Kolam ini yang melibatkan Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh Seberang Perai. Daripada 21 buah Sekolah jenis Kebangsaan Tamil di Seberang Perai, lapan (8) buah sekolah telah

berminat untuk menyertai Pertandingan Seni Kolam pada hari ini. Syabas dan Tahniah! Pada masa-masa akan datang, adalah diharap lebih banyak sekolah dapat menyertai dan mengambil bahagian dalam program seumpama ini.

4. Melukis ‘kolam’ atau lebih dikenali dengan nama Rangoli adalah salah satu tradisi masyarakat Hindu sewaktu perayaan Deepavali. Ianya dilukiskan di hadapan rumah, di mana perkarangan rumah akan dicuci bersih dan disimbah dengan air kunyit terlebih dahulu sebelum ‘kolam’ mula dilukis. ‘Kolam’ kebiasaannya dilukis menggunakan tepung beras, beras dan serbuk berwarna-warni, serta dihiasi dengan bunga dan lampu berwarna-warni. Lukisan ‘kolam’ juga amat penting kerana ianya melambangkan kebahagian, positiviti dan keceriaan rumah tangga.
5. Program Pertandingan Seni Kolam ini memerlukan pelajar dan guru sekolah menghasilkan seni ranggoli kolam menggunakan bahan-bahan kitar semula dan bahan-bahan semulajadi. Pertandingan melukis atau mengubah seni kolam dibuat secara serentak oleh kesemua sekolah yang menyertai pertandingan ini.

6. Pertandingan melukis atau menggubah seni kolam ini menggunakan konsep Ranggoli Kolam Kitar Semula Demi Memelihara Alam Sekitar di mana setiap sekolah diwakili lima (5) orang peserta (dua orang guru dan tiga orang pelajar). Tempoh yang diberikan untuk menyiapkan seni ranggoli kolam adalah tiga (3) jam dan ranggoli kolam yang disediakan adalah bersaiz kertas mahjung.
7. Bahan untuk menghasilkan ranggoli kolam mestilah berdasarkan **bahan yang boleh dikitar semula dan tidak merbahaya** seperti kertas, kotak dan tetrapak dan juga **bahan-bahan semulajadi** seperti pasir, bunga-bungaan kering, daun-daun kering, buah-buahan kering dan rempah ratus.
8. Atas faktor keselamatan, bahan-bahan yang **TIDAK DIBENARKAN** adalah seperti serbuk atau serpihan berasaskan kaca, besi, aluminium; bahan-bahan plastik sekali guna seperti pinggan pakai buang, cawan pakai buang, sudu garfu pakai buang dan straw; bahan-bahan yang tidak boleh dikitar semula seperti kertas berlilin (*wax paper*), cawan dan pinggan mangkuk pakai buang yang diperbuat dari kertas berlilin; dan tin aerosol, botol kaca, tin aluminium, besi, lampu kalimantang, mentol lampu dalam apa juga bentuk, samada bentuk asal, serpihan atau serbuk.

9. Jumlah markah keseluruhan ialah 100 dan penilaian pemarkahan adalah berdasarkan jumlah bahan kitar semula yang digunakan (30 markah), tema kitar semula (30 markah), tema alam sekitar (20 markah), kreativiti (10 markah) dan menarik dan kemas (10 markah).
10. Hadiah berupa wang tunai disediakan untuk pemenang-pemenang. Johan pertandingan akan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,000.00.
11. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada semua Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Seberang Perai yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Dan saya ucapkan Tahniah dan Syabas kepada pemenang hadiah pertandingan ini yang akan diumumkan sebentar nanti.
12. Program ini amat bemakna buat kita semua kerana ianya merupakan satu usaha yang perlu dilihat dari sudut positif untuk bersama-sama ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, iaitu memulihkan ekosistem di bumi kita yang tercinta ini. Marilah kita bersama-sama menggerakkan peningkatan kitar semula dan

menjayakan bumi yang sihat melalui pemeliharaan dan pemuliharaan sumber alam demi menjamin generasi sekarang dan akan datang.

13. Pendekatan yang sedikit berlainan bagi menggalakkan aktiviti kitar semula perlu diketengahkan untuk menarik minat pihak sekolah amnya dan khususnya Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Seberang Perai. Penerapan konsep kitar semula dalam seni ranggoli kolam merupakan langkah pendedahan kepada para pelajar dan guru-guru supaya dapat menjadi pemangkin kepada mereka untuk terus menerapkan budaya kitar semula di sekolah masing-masing. Kitar semula merupakan satu aspek utama bagi mengurangkan sampah yang dibawa dan dilupuskan di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Sejajar dengan misi Majlis Bandaraya Seberang Perai iaitu menjadikan ***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.***

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***